

Fiesta Sahabat AIM bantu perkenal produk usahawan

Oleh **AZLAN ZAMBRY**
azlanwilayahku@gmail.com

LABUAN – Fiesta Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) Blok Labuan yang berlangsung di Ujana Kewangan di sini baru-baru ini merupakan satu usaha untuk memperkenalkan usahawan-usahawan AIM yang mempunyai produk sendiri.

Pengerusi Kelab Sahabat AIM Blok Labuan, Marianah Tompil, 43, berkata, program fiesta julung-julung kali di adakan itu mengumpulkan Sahabat Usahawan AIM dari 26 buah Pusat AIM dari seluruh Labuan dengan kehadiran 300 Sahabat AIM.

“Program itu juga memberikan peluang kepada Sahabat AIM yang mempunyai produk sendiri untuk dipasarkan kepada orang ramai,” katanya kepada *Wilayahku* baru-baru ini.

Ujar Marianah, program ini dapat mengasah bakat menjual dalam kalangan Sahabat AIM dan meningkatkan kemahiran dalam perniagaan.



ROZMAN merasmikan Fiesta Sahabat AIM 2019 di Ujana Kewangan baru-baru ini. Turut kelihatan Marianah (kiri).

“Ia juga dapat merapatkan ukhuwah dalam kalangan Sahabat AIM dan menyemai sikap bantu-membantu dan seterusnya meningkatkan sosio ekonomi mereka yang rata-rata merupakan golongan B40,” katanya.

Marianah berkata, program siri jelajah itu juga bertujuan mempromosikan peranan dan perkhidmatan AIM kepada golongan B40.

“Produk yang ditawarkan AIM amat sesuai untuk golongan wanita dan suri rumah untuk memulakan perniagaan.

“Para peserta akan diberi

pinjaman modal perniagaan bawah RM3,000 dan sekiranya dapat membayar pinjaman mengikut jadual, mereka boleh meningkatkan jumlah pinjaman mengikut kemajuan perniagaan masing-masing secara berperingkat,” katanya.

Dalam pada itu, Ahli Parlimen Labuan, Datuk Rozman Isli yang merasmikan program itu berkata, skim pinjaman mikro yang disediakan oleh kerajaan bertujuan untuk meramaikan dan membangunkan usahawan kecil terutama kaum wanita.